

15 DEC 1997

KONSORTIUM PERKAPALAN NAK SEMAK KEPUTUSAN KEWANGAN 1998

SHAH ALAM, 15 Dis (Bernama) -- Konsortium Perkapalan Bhd menyemak semula pendapatan dan keuntungan bagi 1998 berdasarkan kepada keadaan senario ekonomi ketika ini, kata pengerusi eksekutifnya, Mirzan Mahathir, di sini, hari ini.

"Kami akan melihat semula angka-angka itu sekali lagi," katanya sambil menambah peristiwa-peristiwa yang berlaku sejak beberapa bulan kebelakangan ini memaksa syarikat itu mengambil tindakan sedemikian.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pemeteraian perlantikan secara rasmi KP Asia Auto Logistics Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Konsortium Perkapalan, oleh Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), bagi pengendalian dan penghantaran kereta Proton ke Sabah dan Sarawak, beliau berkata import menunjukkan petanda-petanda pengurangan tetapi syarikat itu sedang meninjau angka eksport bagi petunjuk yang lebih baik.

"Kami mengawasi dengan rapat situasi ketika ini dan cuba menjadi lebih berhemat dalam pengurusan kami.

"Terdapat beberapa perbincangan dilakukan untuk melihat bagaimana syarikat boleh menangani situasi ketika ini," tambahnya.

Terdahulu sebelum upacara pemeteraian itu, beliau berkata kontrak RM10 juta setahun dengan EON itu akan membabitkan pengangkutan kira-kira 1,000 kereta Proton sebulan, di tambah dengan perkhidmatan penghantaran kargo termasuk pemeriksaan kastam dan pelabuhan serta kemudahan penyimpanan, kepada 11 cawangan EON dan 13 wakil penjual EON di Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata syarikat itu memulakan perkhidmatan berkenaan di asas percubaan sejak September 1996 dan telah berjaya menghantar 11,410 kereta Proton ke kedua-dua negeri itu tanpa banyak masalah.

Mirzan, yang juga pengerusi KP Asia Auto Logistics, berkata syarikat berkenaan mempunyai hubungan yang sama seperti itu dengan pengeluar dan pengedar kereta lain seperti Perodua, Europel dan Auto Bavaria.

Beliau menambah KP Asia Auto Logistics merancang untuk menjadi penyedia logistik khusus untuk industri automobil.

Sementara itu, Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata permintaan yang bertambah bagi kereta Proton di Sabah dan Sarawak memerlukan mereka untuk melantik syarikat logistik bersepadu khusus untuk menyediakan sokongan logistik yang diperlukan bagi menjamin kereta-kereta terbabit sampai tepat pada waktunya.

Beliau menambah perkongsian dengan KP Asia Auto Logistics akan berlangsung dalam tempoh yang lama bagi mengukuhkan kehadiran EON di Malaysia Timur berdasarkan kepada permintaan yang konsisten bagi kereta Proton di kedua-dua negeri itu. -- BERNAMA

DVS ZK